

Bakteria punca wabak maut

Lubuk Yu ditutup bagi tujuan kajian, kawal wabak misteri berikutan kematian enam penduduk

RIDHUAN ABU HASSAN

MARAN - Misteri kematian enam penduduk yang terbabit dalam operasi mencari dan menyelamatkan mangsa lemas di Lubuk Yu di sini akhirnya terjawab apabila Kementerian Kesihatan mengesahkan ia disebabkan oleh wabak Meloidosis dan Leptospirosis.

Menterinya, Datuk Seri Liow Tiong Lai berkata, punca jangkitan itu adalah kuman atau bakteria penyebab *Meloidosis* daripada tanah manakala *Leptospirosis* akibat air cencing tikus.

Menurutnya, sebanyak 13 kes dilaporkan yang melibatkan enam kematian, termasuk empat meninggal dunia di Hospital Sultan Haji Ahmad Shah (HoSHAS) dan dua lagi di rumah.

"Enam kematian ini berlaku pada 3, 6, 7, 8 dan 9 Julai lalu. Berdasarkan simptom, ujian x-ray dan makmal mendapati lima kematian disebabkan meliodosis di



● Tiong Lai (dua, kiri) memperkatakan sesuatu mengenai wabak itu kepada Rosnah ketika menziarahi keluarga mangsa di Pekan Sungai Jerik, semalam.

mana kes ini juga penghidap diabetes.

"Untuk makluman semua kes mula sakit pada satu hingga tujuh hari selepas menyertai operasi. Simptom utama adalah demam dan batuk," katanya pada sidang

media di Jabatan Kesihatan Daerah Maran, semalam.

Hadir sama, Exco Kesihatan Negeri, Datuk Hoh Khai Mun, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Hal Ehwal Felda Pahang, Datuk Tan Mohd

Aminuddin Ishak, Ahli Parlimen Maran, Datuk Ismail Abdul Mutalib, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kuala Sentul, Datuk Shahaniza dan Pengarah Kesihatan Negeri, Datuk Dr Rosnah Ismail.

Tiong Lai berkata, semua 13 kes itu terdiri daripada pasukan penyelamat termasuk orang awam yang berkhidmat sebagai penyelamat sukarela.

Menurutnya, seramai 56 anggota penyelamat agensi kerajaan dikenal pasti dan dihubungi pihak jabatan kesihatan bagi pemeriksaan kesihatan.

"Hanya 13 sahaja bersimptom, enam meninggal dunia, seorang sembuh dan enam lagi masih dirawat di hospital dengan seorang di Hospital Jengka, tiga di HoSHAS, seorang Hospital Selayang dan seorang di Kuantan Medical Centre (KMC).

"Kejadian kes ini hanya dalam kalangan pasukan penyelamat

dan kesemua mereka telah dikenal pasti dan disusuli. Orang ramai tidak perlu kuarir atau panik kerana wabak ini tiada dalam komuniti," katanya.

Sementara itu, Tiong Lai berkata, kementerian telah mengarahkan kawasan rekreasi itu ditutup sementara bagi membolehkan agensi terlibat membuat siasatan lanjut mengenai wabak tersebut.

Beliau berkata, tindakan itu juga bagi memastikan orang awam tidak mendekati kawasan Lubuk Yu kerana dikhuatiri turut terkena tempias wabak itu.

"Pegawai dari kementerian saya juga mengambil sampel tanah dan air di Lubuk Yu ini untuk dibuat kajian dan kami jangka keputusan penuh mengenai ujian itu akan diketahui dalam tempoh kurang seminggu.

"Jadi kawasan Lubuk Yu ini akan ditutup sehingga siasatan dan kajian mengenai wabak itu selesai," katanya.